

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

25. Adakah aktiviti penternakan udang harimau dijalankan di Pulau Pinang?
- (a) Sila nyatakan lokasi, jumlah penternak dan hasil jualan tahunan.
  - (b) Adakah penternakan dicadangkan di Balik Pulau, Sungai Udang dan Penaga?
  - (c) Adakah aktiviti ini mencemarkan kualiti air laut dan mengancam hutan bakau?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. (a) Negeri Pulau Pinang turut menjalankan penternakan udang harimau dalam industri akuakultur. Lokasi penternakan udang harimau adalah di Nibong Tebal, Simpang Ampat, Juru dan Balik Pulau. Jumlah penternak adalah seramai **27 orang** dan hasil jualan tahunan adalah berjumlah **RM9,925,890.00**.
- (b) Bagi cadangan di Balik Pulau dan Sungai Udang, aktiviti ini telah pun diusahakan oleh penternak. Walau bagaimanapun, bagi kawasan Penaga ia masih dalam perancangan melalui pelaksanaan Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga.

- (c) Aktiviti penternakan udang harimau tidak memberi kesan ketara kepada kualiti air laut. Malahan kebanyakan pengusaha memiliki Pensijilan MyGap (*Malaysian Good Aquaculture*) yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan aktiviti mereka dikawal serta dipantau secara berkala. Aktiviti ini juga tidak mengancam hutan bakau kerana pembangunannya adalah tertakluk kepada penilaian *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan mempunyai zon penampan (*buffer zone*) bagi menjaga kestabilan ekosistem sedia ada.